

26 JUN 1999

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa lebih dua jam meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau peranginan ini.

Selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, bagi melakukan lawatan kerja dua hari ke pulau ini, petang tadi, Dr Mahathir telah dibawa melawat projek pelancongan dan rekreasi, Langkawi Lagoon, di Kuala Muda berdekatan Padang Matsirat.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Mutalib dan Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib.

Perdana Menteri turut meninjau istana musim panas berharga lebih RM1 juta, yang dibina di Pantai Kok di sini, khusus untuk penggambaran filem Hollywood "Anna and The King".

Istana itu, yang bercirikan senibina Siam, telah diserahkan oleh penerbit filem itu, 20th Century Fox, kepada LADA selepas penggambaran filem itu selesai pada pertengahan April lepas.

Dibina di atas sebidang tanah milik LADA, istana itu menjadi lokasi beberapa adengan penting sewaktu penggambaran filem berkenaan diadakan hampir dua minggu di sini.

Proses pembinaannya memakan masa tiga bulan dan dilakukan oleh sebuah syarikat kontraktor tempatan dengan kerjasama pakar perunding bangunan bagi pihak penerbit filem.

Dr Mahathir turut melawat projek membina 58 unit gerai sementara Mara bagi peniaga kecil di Pekan Kuah iaitu tempat tumpuan pelancong untuk membeli belah di sini.

Perdana Menteri juga mendengar taklimat mengenainya yang disampaikan oleh Abu Bakar.

Peniaga berkenaan dipindahkan sementara untuk memberi laluan kepada pembinaan kompleks perniagaan Mara.

Malam ini, Dr Mahathir dijadualkan menghadiri majlis makan malam sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ketua-ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan yang diadakan di sebuah hotel di Kuah.

Pada majlis itu, Dr Mahathir akan menyampaikan hadiah Laporan Tahunan Terbaik Badan-badan Berkanun anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Esok, Perdana Menteri dijadual melancarkan Logo dan Brosur Pelancongan Langkawi atau "Travel Mart" di Dewan Pameran LIMA di Padang Matsirat.

Beliau dijangka berlepas pulang pada sebelah petang.

Turut mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan ke pulau ini ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA

NH/ZI NAK